

Mahathir: Pendirian kerajaan mahu tarik biasiswa tegas

U.M. - 3 APR 1979

KUALA LUMPUR 2 April — Pendirian kerajaan untuk menarik balik biasiswa para pelajar yang terlibat dengan kejadian tunjuk-tunjuk perasaan lalu adalah tegas, kata Dr. Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, tindakan itu terpaksa diambil dengan hasrat supaya para pelajar itu faham mereka bukannya golongan istimewa dan bebas dari peraturan dan undang-undang negara.

"Mereka juga seperti rakyat lain yang tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan negara," tegasnya.

Dalam jawapan bertulisnya kepada Encik Lim Kit Siang (DAP—Kota Melaka), Menteri Pelajaran itu menjelaskan bahawa tindakan menarik balik biasiswa itu kerana pelajar-pelajar yang terlibat melanggar syarat perjanjian biasiswa yang ditandatangani.

Pelajar-pelajar tersebut akan diberi notis tentang tujuan kerajaan itu dan mereka akan diminta menunjukkan sebab-sebab biasiswa mereka tidak patut dihentikan.

SYARAT

"Para pelajar yang didapati terlibat secara serious akan dihentikan biasiswa mereka dan yang lain-lain akan diberi semula biasiswa dengan syarat mereka menandatangani satu perjanjian tambahan," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir berkata, jumlah sebenar pelajar-pelajar yang diberhentikan biasiswa mereka belum lagi diketahui.

Bagaimanapun beliau menjelaskan bahawa kerajaan berpendapat tugas pelajar-pelajar ialah menumpukan masa dan tenaga mereka kepada pelajaran dan bukannya untuk mengelola atau merancang aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keselamatan dan kesela-

matan negara.

"Pendirian kerajaan dalam perkara ini adalah tegas", kata Menteri Pelajaran itu.

Kerajaan, tambahnya, memang tidak suka mengambil tindakan seperti penarikan biasiswa-biasiswa ini.

Dalam hal ini, tegasnya kerajaan berharap supaya semua pelajar-pelajar akan sedar tentang tanggungjawab mereka semasa berada di sekolah, maktab atau mana-mana institusi pelajaran.

Kepada soalan Encik Oh Keng Seng (DAP — Petaling), Dr. Mahathir memberitahu bahawa kementeriannya telah menjangkakan satu tinjauan ke seluruh negara untuk mengetahui butir-butir lengkap mengenai keperluan buku teks di sekolah-sekolah.

Menurut beliau, maklumat mengenai tinjauan itu telah pun diberikan kepada penyelidik-penyelidik berkenaan untuk dijadikan panduan bagi mencetak buku-buku mereka dengan cukupnya.

Di samping itu, tambah beliau, Kementerian Pelajaran juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menilai pelaksanaan bantuan buku-buku teks mengkaji segala masalah bersangkutan dengan implementasinya.

Beliau berkata, langkah ini dilakukan supaya masalah yang timbul pada tahun ini tidak berulang lagi pada tahun-tahun akan datang.